

JUMAAT • 08.09.2017

kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my



LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA



Dakwa kehidupan terjejas akibat projek berhampiran Kg. Bukit Lanjan

Persempadanan dua PBT, penduduk jadi mangsa?

Oleh AMIRUL AIMAN ANUAR
kota@utusangroup.com

■ KUALA LUMPUR 7 SEPT.

PENDUDUK Kampung Bukit Lanjan di sini menyifatkan pembinaan beberapa projek pembangunan berhampiran sebagai mencabul hak kesejahteraan mereka.

Mereka mendakwa, sejak projek itu berjalan hampir empat tahun pelbagai masalah timbul termasuk pencemaran udara dan kesesakan lalu lintas.

Tinjauan *Utusan Malaysia* bersama Persatuan Penduduk Kampung Bukit Lanjan baru-baru ini mendapati Jalan Damansara, Sungai Penchala di sini rosak teruk ekoran menjadi

akses utama kenderaan berat keluar masuk ke tapak projek berhampiran.

Pengerusinya, Abdul Halim Halid berkata, mereka bukan menolak pembangunan tetapi sekurang-kurangnya pihak bertanggungjawab memikirkan kesan yang dihadapi penduduk setempat.

Menurutnya, sejak projek dilaksanakan penduduk di kampung itu terpaksa berdepan dengan jalan rosak dan berlubang.

Dakwanya, kawasan sekitar tapak projek di bawah seliaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) itu menyumbang pencemaran udara dan bunyi bising hingga me-



ABDUL HALIM HALID

SISA tumpahan simen dari kenderaan berat merosakkan jalan yang menjadi laluan utama penduduk Kampung Bukit Lanjan ke pusat bandar raya.

nyebabkan gegaran pada rumah dan ancaman keselamatan dan kesihatan penduduk.

"Keadaan menjadi lebih bahaya apabila waktu hujan dan lubang-lubang yang dibiarkan tidak berturap dipenuhi air.

"Aduan sudah diajukan kepada pihak MBPJ berhubung keadaan jalan dan sekitar yang berdebu berpunca daripada tapak projek seliaannya namun penduduk diminta pula merujuk kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana bukan dalam pentadbirannya.

"Penduduk jadi buntu ke-

pada siapa untuk mengadu bagi menyelesaikan masalah ini.

"Sehubungan itu kami merayu kedua-dua pihak berkuasa tempatan berbuat sesuatu bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk di sini terjamin," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Lebih malang jalan yang sibuk dengan keluar masuk lori tanah dan lori 10 tan itu tidak diletakkan sebarang papan tanda keselamatan mencukupi malah garisan jalan sudah pudar serta diliputi sisa tumpahan simen.



WILSON LAU (dua dari kanan) mendengar penerangan daripada Abdul Halim Halid berhubung masalah yang dihadapi penduduk Kampung Bukit Lanjan, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

DBKL, MBPJ sedia runding

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sedia berunding dan bertindak mengikut bidang kuasa masing-masing bagi menangani isu kesejahteraan penduduk Kampung Bukit Lanjan di sini.

Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Datuk Wilson Lau Hoi Keong berkata, kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan segera termasuk menampal lubang dan mengecat garisan jalan di Jalan Damansara, Sungai Penchala.

Katanya, jalan yang dimaksudkan penduduk berada dalam kawasan pentadbiran DBKL manakala kerja-kerja pembangunan pula dalam kawasan MBPJ.

"Perintah pembangunan dikeluarkan oleh MBPJ kepada beberapa projek yang berlangsung di sebelah Jalan Damansara dengan jaraknya kurang 100 meter daripada kawasan penempatan penduduk pinggir bandar ini.

"Perkara ini akan dipanjangkan kepada MBPJ agar pertemuan antara pemaju dan penduduk setempat dapat diadakan

MAKLUM BALAS

bagi menangani masalah yang timbul melibatkan kedua-dua belah pihak," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat MBPJ, Hasbullah Juyahir berkata, sebarang rundingan dan bentuk kerjasama demi kesejahteraan penduduk akan diutamakan termasuk kawasan yang berada luar pentadbirannya.

Katanya, penelitian termasuk siasatan berhubung syarat-syarat yang terkandung dalam perintah pembangunan akan disemak bagi mengelak sebarang bentuk pencemaran atau kacau ganggu kepada penduduk berhampiran sepanjang projek berlangsung.

"Tindakan pembatalan boleh diambil sekiranya terdapat pelanggaran syarat termasuk waktu operasi kerja tanah mahupun mana-mana aspek keselamatan di dalam tapak binaan dan luar kawasan," katanya.